



**GARIS PANDUAN
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

BIL. 2 TAHUN 2018

**GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN *E-HAILING* DI BAWAH PERNIAGAAN
PENGANTARAAN**

TARIKH: 31 OKTOBER 2018

**GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN *E-HAILING* DI BAWAH PERNIAGAAN
PENGANTARAAN**

1. TUJUAN

- 1.1 Garis Panduan ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai garis panduan bagi perkhidmatan *e-hailing* di bawah perniagaan pengantaraan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (“S.P.A.D.”) merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk menggubal polisi, merancang dan mengawal selia pengangkutan awam darat, kenderaan barang dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya seperti yang termaktub di dalam Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 (“Akta 714”) dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (“Akta 715”) yang telah berkuatkuasa sepenuhnya pada 31 Januari 2011.
- 2.2 Perkhidmatan *e-hailing* merupakan satu perkhidmatan penempahan kenderaan menggunakan aplikasi mudah alih. Aplikasi ini memadankan penumpang dengan kenderaan yang berdekatan dan melibatkan bayaran tambang.
- 2.3 Pada tahun 2016, S.P.A.D. telah mendapat kelulusan daripada Majlis Ekonomi dan Jemaah Menteri untuk melaksanakan sebelas (11) inisiatif di bawah Program Transformasi Industri Teksi (“Program TITP”) yang mana salah satu inisiatif di bawah Program TITP ini adalah pengawalseliaan perkhidmatan *e-hailing*.
- 2.4 Pada 12 Julai 2018, Akta Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2017 telah dikuatkuasakan sekaligus membolehkan pengawalseliaan perkhidmatan *e-hailing* oleh S.P.A.D. melalui pengeluaran lesen kepada syarikat-syarikat yang memberikan perkhidmatan *e-hailing*.

3. PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

- 3.1 Perkara-perkara yang hendak dimaklumkan adalah merangkumi perkara-perkara berikut:
- (a) kriteria-kriteria kelayakan bagi permohonan Lesen Perniagaan Pengantaraan (“LPP”);
 - (b) spesifikasi aplikasi minima;
 - (c) spesifikasi kenderaan;
 - (d) kawasan operasi;
 - (e) model operasi;
 - (f) tambang dan komisen;
 - (g) keperluan insurans; dan
 - (h) tanggungjawab pemegang lesen LPP.

4. KRITERIA-KRITERIA KELAYAKAN BAGI PERMOHONAN LPP

- 4.1 Setiap pemohon LPP perlu berdaftar dengan:
- (a) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (“SSM”) sebagai;
 - (i) Syarikat Berhad; atau
 - (ii) Syarikat Sendirian Berhad; atau
 - (b) Suruhanjaya Koperasi Malaysia (“SKM”) sebagai;
 - (i) Koperasi.
- 4.2 Setiap pemohon LPP hendaklah:
- (a) mempunyai modal berbayar sekurang-kurangnya sebanyak RM100,000.00; dan
 - (b) mempunyai sekurang-kurangnya seorang pemegang saham berstatus warganegara Malaysia (kriteria ini tidak terpakai kepada Koperasi).

5. SPESIFIKASI APLIKASI MINIMA

- 5.1 Setiap pemohon LPP dan pemegang lesen LPP hendaklah mempunyai aplikasi *e-hailing* dengan spesifikasi minima seperti berikut:

- (a) fungsi pendaftaran pemandu dan penumpang;
 - (b) fungsi untuk pemandu dan penumpang memberikan kebenaran menggunakan data peribadi bagi tujuan pendaftaran;
 - (c) fungsi untuk membuat tempahan bagi pihak lain;
 - (d) fungsi untuk mengenalpasti lokasi semasa penumpang melalui kemudahan *Global Positioning System* (“GPS”);
 - (e) fungsi untuk mengisi lokasi perjalanan bermula dan tamat;
 - (f) fungsi untuk memaklumkan anggaran kadar tambang kepada penumpang sebelum tempahan dimuktamadkan;
 - (g) fungsi untuk memaklumkan maklumat-maklumat berikut selepas tempahan dibuat oleh penumpang:
 - (i) nama penuh pemandu;
 - (ii) gambar pemandu;
 - (iii) nombor pendaftaran dan tempoh sah laku Kad Pemandu Elektronik;
 - (iv) nombor pendaftaran kenderaan;
 - (v) jenama dan model kenderaan; dan
 - (vi) penarafan tahap perkhidmatan pemandu yang terkini;
 - (h) fungsi kecemasan yang bersambung terus kepada nombor panggilan kecemasan 999 dan memaklumkan sistem kecemasan pemegang lesen LPP serta nombor yang dipilih oleh pemandu dan penumpang (seperti ahli keluarga);
 - (i) fungsi untuk memberikan penarafan tahap perkhidmatan pemandu selepas perjalanan tamat;
 - (j) fungsi untuk membuat aduan, maklum balas dan pertanyaan; dan
 - (k) fungsi untuk menyimpan maklumat perjalanan sekurang-kurangnya selama tiga (3) bulan pada aplikasi *e-hailing* pemandu dan penumpang.
- 5.2 Bagi fungsi pendaftaran pemandu dan penumpang pada perenggan 5.1(a), maklumat-maklumat berikut hendaklah dipohon:
- (a) nama penuh;

- (b) salinan Kad Pengenalan (bagi pemandu dan penumpang yang berwarganegara Malaysia) atau Pasport (bagi penumpang yang bukan warganegara Malaysia) yang sah; dan
- (c) nombor telefon bimbit.

6. SPESIFIKASI KENDEREAAN

- 6.1 Jenis-jenis kenderaan yang dibenarkan untuk digunakan di bawah perkhidmatan *e-hailing* adalah seperti berikut:
- (a) kenderaan *e-hailing* (kenderaan persendirian);
 - (b) teksi;
 - (c) kereta sewa; dan
 - (d) teksi mewah.

6.2 Kenderaan *e-hailing* (Kenderaan persendirian)

Pemegang lesen LPP hendaklah memastikan kenderaan *e-hailing* mematuhi spesifikasi kenderaan seperti jadual berikut:

Per	Spesifikasi	No.	Garis Panduan
(a)	Model kenderaan	(i)	Model kenderaan adalah terbuka kepada semua jenama dan model kenderaan yang memenuhi taraf tiga (3) bintang tahap piawaian Program Penilaian Kereta Baharu Rantau Asia Tenggara (“ASEAN NCAP”) atau yang setara dengannya sebagaimana di Lampiran 1.
		(ii)	Kenderaan <i>e-hailing</i> yang tidak memenuhi taraf 3 bintang ASEAN NCAP dan yang telah didaftarkan oleh pemegang LPP sebelum 1 November 2018 dibenarkan untuk terus digunakan sehingga 31 Disember 2022 atau sehingga mencapai had usia 10 tahun (yang mana terdahulu).
		(iii)	Kenderaan yang didaftarkan oleh pemegang LPP pada dan selepas 1 November 2018

			hendaklah mematuhi garis panduan model kenderaan <i>e-hailing</i> .
		(iv)	Kenderaan <i>e-hailing</i> hendaklah mempunyai lebih daripada dua (2) pintu dan mempunyai empat (4) roda di bawah kategori kompak, sedan, kenderaan pelbagai guna (MPV) dan kenderaan utiliti sukan (SUV).
(b)	Muatan tempat duduk	(i)	Kenderaan <i>e-hailing</i> hendaklah mempunyai empat (4) hingga sebelas (11) muatan tempat duduk termasuk tempat duduk pemandu.
		(ii)	Bilangan penumpang yang boleh dibawa tidak boleh melebihi bilangan tempat duduk penumpang (tidak termasuk tempat duduk pemandu).
(c)	Warna kenderaan	(i)	<p>Kenderaan <i>e-hailing</i> adalah bebas menggunakan sebarang warna pada badan kenderaan dengan syarat:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) tidak melebihi dua (2) warna; (b) tidak berbelang-belang; (c) tidak menyerupai warna rasmi atau corak rasmi mana-mana kenderaan agensi penguatkuasa; dan (d) tidak menyerupai mana-mana warna kenderaan perkhidmatan awam (“KPA”) yang lain seperti teksi, kereta sewa dan teksi mewah.
		(ii)	Penggunaan warna kenderaan juga tertakluk kepada kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (“JPJ”).
(d)	Usia melesen	(i)	Usia melesen kenderaan <i>e-hailing</i> berstatus Terurai Sepenuhnya (<i>Completely Knocked Down</i>) (“CKD”) hendaklah tidak melebihi sembilan (9) tahun daripada tarikh ianya didaftarkan di JPJ.
		(ii)	Usia melesen kenderaan <i>e-hailing</i> berstatus Dipasang Siap Sepenuhnya (<i>Completely Built-Up</i>) (“CBU”) hendaklah tidak melebihi

			sembilan (9) tahun daripada tahun ianya dibuat oleh pengeluar kenderaan.
(e)	Had usia kenderaan	(i)	Had usia kenderaan <i>e-hailing</i> berstatus CKD hendaklah tidak melebihi 10 tahun daripada tarikh ianya didaftarkan di JPJ.
		(ii)	Had usia kenderaan <i>e-hailing</i> berstatus CBU hendaklah tidak melebihi 10 tahun daripada tahun ianya dibuat oleh pengeluar kenderaan.
(f)	Pemeriksaan berkala PUSPAKOM	(i)	Kenderaan <i>e-hailing</i> yang berstatus CKD dan CBU hendaklah menjalani pemeriksaan berkala dengan PUSPAKOM sekali dalam setahun apabila kenderaan telah melebihi usia tiga (3) tahun dari tarikh ianya didaftarkan di JPJ.
(g)	Tanda badan	(i)	Kenderaan <i>e-hailing</i> hendaklah memaparkan pelekat tanda pengenalan yang dikeluarkan oleh JPJ.

6.3 Teksi, Kereta Sewa dan Teksi Mewah

- (a) Pemegang lesen LPP hendaklah memastikan perkhidmatan *e-hailing* yang menggunakan taxi, kereta sewa dan taxi mewah mematuhi spesifikasi kenderaan seperti mana yang ditetapkan di dalam Garis Panduan Bil. 1 Tahun 2018: Garis Panduan bagi Perkhidmatan Kenderaan Perkhidmatan Awam kelas Teksi, Kereta Sewa dan Teksi Mewah (seperti mana perenggan 4.2(b), 5.2(b) dan 6.2(b) dalam Lampiran 2) serta garis panduan tambahan yang ditetapkan oleh S.P.A.D. dari semasa ke semasa, mana-mana yang terkini.
- (b) KPA kelas taxi, kereta sewa dan taxi mewah yang memberikan perkhidmatan *e-hailing* hendaklah mempunyai pelekat tanda pengenalan yang dikeluarkan oleh JPJ.

7. KAWASAN OPERASI

- 7.1 Kawasan operasi bagi perkhidmatan *e-hailing* adalah di seluruh Semenanjung Malaysia.
- 7.2 Akan tetapi, bagi perkhidmatan *e-hailing* yang menggunakan teksi dan kereta sewa, ianya adalah tertakluk kepada keperluan untuk kembali ke kawasan operasi asalnya seperti yang telah ditetapkan di dalam Garis Panduan Bil. 1 Tahun 2018: Garis Panduan bagi Perkhidmatan Kenderaan Perkhidmatan Awam kelas Teksi, Kereta Sewa dan Teksi Mewah (seperti mana di perenggan 4.3(b) dan 5.3(b) dalam Lampiran 2) serta garis panduan tambahan yang akan ditetapkan oleh S.P.A.D. dari semasa ke semasa, mana-mana yang terkini.
- 7.3 Pemegang lesen LPP hendaklah memastikan pemandu-pemandunya tidak beroperasi secara berpangkalan kecuali di lokasi-lokasi yang telah ditetapkan oleh S.P.A.D. seperti mana di Lampiran 3.
- 7.4 Pemegang lesen LPP juga hendaklah memastikan pemandu-pemandunya tidak mengambil dan menurunkan penumpang di tempat-tempat atau kawasan-kawasan yang dilarang di bawah mana-mana peruntukan perundangan yang berkuat kuasa sama ada oleh S.P.A.D. atau agensi-agensi Kerajaan yang lain.
- 7.5 Kawasan operasi di lapangan terbang
 - (a) Pemegang lesen LPP hendaklah memastikan pemandu-pemandunya mengambil dan menurunkan penumpang di lokasi khas yang disediakan oleh pihak terminal lapangan terbang serta mematuhi syarat-syarat operasi di lapangan terbang tersebut.
 - (b) Pemegang lesen LPP hendaklah memastikan hanya pemandu yang menurunkan penumpang di lapangan terbang sahaja dibenarkan untuk mengambil penumpang di lapangan terbang tersebut.

8. MODEL OPERASI

- 8.1 Pemegang lesen LPP hendaklah memastikan pemandu-pemandu kenderaan *e-hailing* beroperasi melalui aplikasi *e-hailing* sahaja. Pemandu-pemandu kenderaan *e-hailing* tidak dibenarkan untuk mengambil penumpang melalui tahanan tepi jalan (*street hailing*) ataupun di hentian teksi.
- 8.2 Bagi pemandu-pemandu KPA kelas teksi, kereta sewa dan teksi mewah, mereka dibenarkan untuk beroperasi melalui aplikasi *e-hailing* dan model operasi yang ditetapkan di dalam Garis Panduan Bil. 1 Tahun 2018: Garis Panduan bagi Perkhidmatan Kenderaan Perkhidmatan Awam kelas Teksi, Kereta Sewa dan Teksi Mewah (seperti mana di perenggan 4.4, 5.4 dan 6.4 dalam Lampiran 2) serta garis panduan tambahan yang akan ditetapkan oleh S.P.A.D. dari semasa ke semasa, mana-mana yang terkini.
- 8.3 Pemegang lesen LPP juga hendaklah memastikan pemandu-pemandunya memberikan perkhidmatan mengikut tempahan yang diterima daripada aplikasi *e-hailing* dan tidak tawar-menawar selepas berjaya mendapatkan tempahan.

9. TAMBANG DAN KOMISEN

- 9.1 Kadar tambang yang digunakan bagi perkhidmatan *e-hailing* adalah seperti mana yang ditetapkan oleh pemegang lesen LPP.
- 9.2 Pemegang lesen LPP hendaklah memastikan anggaran jumlah tambang pada ketika tempahan dibuat dimaklumkan kepada penumpang sebelum penumpang memilih untuk mengesahkan tempahan.
- 9.3 Pemegang lesen LPP hendaklah memastikan kadar surc妖 yang dikenakan bagi tiap-tiap perjalanan adalah tidak lebih dua (2) kali ganda daripada harga tambang asal.

- 9.4 Pemegang lesen LPP hendaklah memastikan resit yang boleh dimuat turun dihantar kepada penumpang melalui medium elektronik sebaik sahaja perjalanan tamat.
- 9.5 Pemegang lesen LPP juga hendaklah memastikan resit yang boleh dimuat turun tersebut mempunyai maklumat-maklumat seperti berikut:
- (a) nama aplikasi *e-hailing*;
 - (b) nama penuh pemandu;
 - (c) nombor pendaftaran dan tempoh sah laku Kad Pemandu Elektronik pemandu;
 - (d) nombor pendaftaran kenderaan;
 - (e) masa dan lokasi perjalanan dimulakan dan tamat;
 - (f) jarak perjalanan; dan
 - (g) perincian jumlah tambang (termasuk tambang surc妖 dan bayaran tol, jika berkenaan).
- 9.6 Pemegang lesen LPP hendaklah memastikan kadar komisen yang dikenakan bagi tiap-tiap perjalanan adalah seperti berikut:
- (a) tidak lebih 10% daripada harga tambang boleh dikenakan kepada pemandu-pemandu KPA kelas teksi, kereta sewa dan teksi mewah; dan
 - (b) tidak lebih 20% daripada harga tambang boleh dikenakan kepada pemandu-pemandu kenderaan *e-hailing*.

10. KEPERLUAN INSURANS

- 10.1 Pemegang lesen LPP hendaklah memastikan wujudnya perlindungan insurans bagi pemandu, kenderaan, penumpang dan pihak ketiga sebelum mananya pemandunya dibenarkan untuk beroperasi.

11. TANGGUNGJAWAB PEMEGANG LESEN LPP

- 11.1 Pemegang lesen LPP hendaklah memastikan pemandu dan kenderaan yang akan digunakan bagi perkhidmatan *e-hailing* berdaftar dengan S.P.A.D. sebelum dibenarkan untuk beroperasi.
- 11.2 Pemegang lesen LPP hendaklah memastikan pemandu-pemandunya mempunyai kelengkapan penerimaan tempahan yang berfungsi sepenuhnya seperti telefon pintar dengan bateri yang mencukupi untuk setiap perjalanan.
- 11.3 Pemegang lesen LPP hendaklah memastikan semua pemandu-pemandunya mematuhi peraturan-peraturan, kaedah-kaedah dan syarat-syarat berkenaan pemandu yang dikeluarkan dan ditetapkan oleh S.P.A.D dan agensi Kerajaan yang lain.
- 11.4 Pemegang lesen LPP hendaklah menyediakan dan melaksanakan Kod Tatakelakuan dan Garis Panduan Rungutan Pemandu (*Driver's Grievance Guidelines*) yang merangkumi prosedur pengurusan pengendalian rungutan daripada pemandu, prosedur pengendalian maktum balas dan apa-apa prosedur rayuan, jika berkenaan.
- 11.5 Pemegang lesen LPP hendaklah berkongsi maklumat dan dokumen dengan S.P.A.D. dan agensi-agensi Kerajaan yang lain pada bila-bila masa yang dirasakan perlu.
- 11.6 Pemegang lesen LPP hendaklah memastikan perkongsian maklumat data peribadi pemandu dan penumpang adalah tertakluk kepada Akta Perlindungan Data 2010.

12. PEMAKAIAN

- 12.1 Garis Panduan ini terpakai kepada:
 - (a) semua syarikat yang hendak memohon LPP; dan

(b) pemegang lesen LPP.

13. TARIKH KUAT KUASA

13.1 Perkara-perkara yang dinyatakan di dalam Garis Panduan ini berkuat kuasa pada tarikh Garis Panduan ini dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

me fl

(MOHD AZHARUDDIN BIN MAT SAH)

Ketua Pegawai Eksekutif

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat

Lampiran 1

Senarai standard yang setara atau lebih daripada ASEAN NCAP adalah seperti berikut:

No.	Nama Program	Rujukan
1.	New Car Assessment Program for Southeast Asian Countries (ASEAN NCAP)	http://www.aseancap.org
2.	China New Car Assessment Program (C-NCAP)	http://www.c-ncap.org/
3.	Japan New Car Assessment Program (JNCAP)	http://www.nasva.go.jp/mamoru/en/
4.	Korean New Car Assessment Program (KNCAP)	http://www.car.go.kr/jsp/kncap_eng/introduction.jsp
5.	Australasian New Car Assessment Program (ANCAP)	http://www.ancap.com.au/
6.	European New Car Assessment Program (Euro-NCAP)	http://www.euroncap.com/en
7.	New Car Assessment Program (NHTSA ⁴) (US NCAP)	http://www.safercar.gov/Safety+Ratings
8.	Latin American & Caribbean New Car Assessment Program (Latin NCAP)	http://www.latinncap.com/en/results

Lampiran 2

Garis Panduan Bil. 1 Tahun 2018: Garis Panduan bagi Perkhidmatan Kenderaan Perkhidmatan Awam Kelas Teksi, Kereta Sewa dan Teksi Mewah.



**GARIS PANDUAN
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

BIL. 1 TAHUN 2018

**GARIS PANDUAN BAGI PERKHIDMATAN KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM KELAS
TEKSI, KERETA SEWA DAN TEKSI MEWAH**

TARIKH: 31 Oktober 2018

GARIS PANDUAN BAGI PERKHIDMATAN KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM KELAS TEKSI, KERETA SEWA DAN TEKSI MEWAH

1.0 TUJUAN

- 1.1 Dokumen ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai garis panduan bagi perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam (“PKPA”) kelas teksi, kereta sewa dan teksi mewah.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (“S.P.A.D.”) bertanggungjawab untuk menggubal polisi, merancang dan mengawal selia pengangkutan awam darat dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya seperti yang termaktub di dalam Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 (“Akta 714”) dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (“Akta 715”) yang telah berkuat kuasa sepenuhnya pada 31 Januari 2011.
- 2.2 Bagi memenuhi matlamat Program Transformasi Industri Teksi (“TITP”) S.P.A.D. ingin memperkenalkan garis panduan bagi PKPA kelas teksi, kereta sewa dan teksi mewah.

3.0 PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

- 3.1 Perkara-perkara yang hendak dimaklumkan di dalam Garis Panduan ini adalah merangkumi:
 - (a) kriteria-kriteria kelayakan bagi permohonan lesen pengendali (“Lesen Pengendali”) PKPA kelas teksi, kereta sewa dan teksi mewah;
 - (b) spesifikasi kenderaan;
 - (c) kawasan operasi;
 - (d) model operasi;
 - (e) tanggungjawab pengendali berlesen terhadap pemandu; dan
 - (f) pindah milik.

4.0 GARIS PANDUAN BAGI PKPA KELAS TEKSI

4.1 Kriteria Kelayakan

- (a) Setiap pemohon Lesen Pengendali kelas teksi perlu berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (“SSM”) atau Suruhanjaya Koperasi Malaysia (“SKM”) sebagai salah satu daripada lima (5) entiti perniagaan yang dibenarkan berikut:
- (i) perniagaan milikan tunggal;
 - (ii) perkongsian;
 - (iii) syarikat sendirian berhad;
 - (iv) syarikat berhad; atau
 - (v) koperasi.
- (b) Pemohon Lesen Pengendali kelas teksi yang berdaftar sebagai perniagaan milikan tunggal atau perkongsian* hendaklah:
- (i) warganegara Malaysia berumur 21 tahun ke atas;
 - (ii) mempunyai Lesen Memandu Kompeten (“CDL”) sekurang-kurangnya tiga (3) tahun;
 - (iii) tiada sabitan dengan kesalahan jenayah;
 - (iv) tidak diisyiharkan muflis oleh Jabatan Insolvensi Malaysia;
 - (v) memiliki lesen memandu kenderaan perkhidmatan awam (*public service vehicle licence*) (“PSV”) yang sah; dan
 - (vi) tidak memiliki sebarang Lesen Pengendali kelas teksi.
- * Sekurang-kurangnya salah seorang ahli perkongsian perlu memenuhi kriteria-kriteria yang disebutkan di atas.
- (c) Pemohon Lesen Pengendali kelas teksi yang berdaftar sebagai syarikat sendirian berhad, syarikat berhad atau koperasi hendaklah:
- (i) mempunyai modal berbayar tidak kurang RM50,000.00; dan
 - (ii) dimiliki 100% oleh warganegara Malaysia.

- (d) Kuota bagi permit kenderaan di bawah Lesen Pengendali kelas teksi adalah seperti berikut:
- (i) Perniagaan Milikan Tunggal
 - Hanya boleh memiliki satu (1) permit kenderaan sahaja.
 - (ii) Perkongsian
 - Hanya boleh memiliki satu (1) permit kenderaan sahaja.
 - (iii) Syarikat Sendirian Berhad, Syarikat Berhad atau Koperasi
 - Tiada had bagi permit kenderaan.

4.2 Spesifikasi Kenderaan

- (a) Spesifikasi kenderaan kelas teksi yang ditetapkan adalah merangkumi aspek-aspek berikut:
- (i) had usia melesen;
 - (ii) had usia kenderaan;
 - (iii) keselamatan;
 - (iv) rupa bentuk; dan
 - (v) keselesaan seperti yang ditetapkan oleh S.P.A.D. dan Jabatan Pengangkutan Jalan (“JPJ”).
- (b) Pemohon/Pengendali berlesen hendaklah memastikan teksi mematuhi spesifikasi kenderaan seperti jadual berikut:

Per.	Spesifikasi	No.	Garis Panduan
(i)	Had Usia Melesen	1.	Had usia melesen kenderaan berstatus Terurai Sepenuhnya (<i>Completely Knocked Down</i>) (“CKD”) hendaklah tidak melebihi sembilan (9) tahun daripada tarikh ianya didaftarkan di JPJ.
		2.	Had usia melesen kenderaan

			berstatus Dipasang Siap Sepenuhnya (<i>Completely Built-Up</i>) (“CBU”) hendaklah tidak melebihi sembilan (9) tahun daripada tahun ianya dibuat oleh pengeluar kenderaan.
(ii)	Had Usia Kenderaan	1.	Had usia kenderaan berstatus CKD hendaklah tidak melebihi sepuluh (10) tahun daripada tarikh ianya didaftarkan di JPJ.
		2.	Had usia kenderaan berstatus CBU hendaklah tidak melebihi sepuluh (10) tahun daripada tahun ianya dibuat oleh pengeluar kenderaan.
(iii)	Keselamatan	1.	<p>(a) Kenderaan hendaklah memenuhi taraf tiga (3) bintang tahap piawaian Program Penilaian Kereta Baharu Rantau Asia Tenggara (“ASEAN NCAP”) atau yang setara dengannya sebagaimana dalam Lampiran 1.</p> <p>(b) Walaubagaimanapun, dasar ASEAN NCAP akan dikecualikan daripada kelas lesen ini sehingga 31 Disember 2022.</p>
		2.	Kenderaan hendaklah memenuhi keperluan keselamatan seperti mana yang telah ditetapkan dalam Buku Panduan S.P.A.D. ICOP -

			Keselamatan.
		3.	Kenderaan yang berstatus CKD dan CBU hendaklah menjalani pemeriksaan berkala dengan PUSPAKOM sekali dalam setahun apabila kenderaan telah melebihi usia tiga (3) tahun dari tarikh ianya didaftarkan di JPJ.
		4.	Meter teksi hendaklah menjalani pemeriksaan berkala dengan PUSPAKOM sekali dalam setahun tanpa mengambil kira usia kenderaan.
		5.	Kenderaan hendaklah memiliki insurans yang melindungi pemandu, penumpang, kenderaan dan pihak ketiga.
(iv)	Rupa Bentuk	1.	<p>Model kenderaan adalah terbuka kepada kenderaan empat (4) pintu di bawah kategori:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Kompak; (b) Sedan; (c) Kenderaan Pelbagai Guna (MPV); dan (d) Kenderaan Utiliti Sukan (SUV).
		2.	Kenderaan jenis <i>pick-up</i> seperti <i>Ford Ranger</i> , <i>Chevrolet Colorado</i> , <i>Mitsubishi Triton/L200</i> , <i>Nissan Navara</i> , <i>Toyota Hilux</i> dan yang

		<p>bersamaan dengannya adalah <u>tidak dibenarkan</u>.</p>
	3.	<p>Kenderaan hendaklah dicatkan dengan warna merah cili (<i>chilli red</i>) pada bahagian badan kenderaan dan putih pejal (<i>solid white</i>) pada bahagian atas tuduh hadapan, bahagian atas bumbung kenderaan dan bahagian bonet belakang, atau dicatkan dengan kod warna yang setara dengannya sebagaimana Lampiran 2.</p>
	4.	<p>Struktur panel di atas bumbung kenderaan hendaklah:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) mempunyai lampu jenis diod pemancar cahaya (<i>Light Emitting Diode</i>) (“LED”) dan mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh S.P.A.D. dari semasa ke semasa; dan (b) mempamerkan antara dua (2) perkataan berikut: <ul style="list-style-type: none"> (i) iaitu ‘TEKSI’ (berwarna hijau) untuk menunjukkan teksi boleh disewa; atau (ii) perkataan ‘HIRED’ (berwarna merah) untuk menunjukkan bahawa teksi sedang disewa.

5.	Meter taxi yang digunakan di dalam kenderaan hendaklah mendapat kelulusan JPJ seperti yang diperuntukkan dalam Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Meter Teksi) 1959 dan mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh S.P.A.D. dan JPJ dari semasa ke semasa.	
6.	Meter taxi hendaklah dipasangkan di bahagian tengah atas panel kawalan hadapan (<i>dashboard</i>) kenderaan seperti di Lampiran 3.	
7.	Piagam pemandu dan penumpang hendaklah dipamerkan pada bahagian belakang tempat duduk pemandu seperti mana yang ditetapkan oleh S.P.A.D. dari semasa ke semasa.	
8.	Pelekat nombor aduan bebas tol S.P.A.D. hendaklah dilekatkan pada badan kenderaan seperti mana yang ditetapkan oleh S.P.A.D. dari semasa ke semasa.	
9.	Pengiklanan pada badan kenderaan hendaklah mendapat kelulusan bertulis daripada S.P.A.D. dan hendaklah mengikut spesifikasi	

			seperti di Lampiran 4.
		10.	Pelekat kadar tambang yang dikeluarkan oleh S.P.A.D. hendaklah dilekatkan pada badan kenderaan seperti mana yang ditetapkan oleh S.P.A.D. dari semasa ke semasa.
(v)	Keselesaan	1.	Kenderaan hendaklah mempunyai muatan tempat duduk tidak melebihi enam (6) orang termasuk pemandu.

4.3 Kawasan Operasi

- (a) Pengendali berlesen kelas teksi hanya boleh beroperasi di kawasan operasi yang diluluskan oleh S.P.A.D. (“kawasan operasi”) seperti mana dalam Lampiran 5 serta berdasarkan permit perkhidmatan.
- (b) Walau bagaimanapun, kebenaran diberikan kepada pengendali berlesen kelas teksi untuk mengantar penumpang ke destinasi di luar kawasan operasi dan dikehendaki untuk kembali ke kawasan operasi yang telah ditetapkan dalam masa 24 jam selepas menurunkan penumpang.
- (c) Merujuk kepada perenggan (b), pengendali berlesen kelas teksi dibenarkan mengambil penumpang semasa dalam perjalanan kembali ke kawasan operasi yang telah ditetapkan.
- (d) Pengendali berlesen kelas teksi dibenarkan mengambil penumpang di lapangan terbang sekiranya mempunyai tempahan melalui aplikasi telefon pintar, laman sesawang, e-mel dan sebagainya.

- (e) Operasi PKPA kelas teksi di lapangan terbang adalah tertakluk kepada syarat-syarat operasi yang ditentukan oleh pihak pengurusan atau pengendali terminal di lapangan terbang tersebut.

4.4 Model Operasi

- (a) Model operasi bagi PKPA kelas teksi adalah melalui tahanan di tepi jalan/hentian teksi atau melalui tempahan.
- (b) Bagi aplikasi telefon pintar, teksi boleh mengambil penumpang melalui tempahan yang diuruskan oleh pemegang lesen perniagaan pengantaraan *e-hailing* sahaja.

4.5 Tanggungjawab Pengendali Berlesen Terhadap Pemandu

- (a) Pengendali berlesen hendaklah memastikan pemandu teksi memiliki dan membawa dokumen-dokumen yang masih dalam tempoh sah laku semasa beroperasi seperti berikut:
- (i) salinan lesen pengendali (yang disahkan oleh S.P.A.D.);
 - (ii) salinan permit perkhidmatan (yang di sahkan oleh S.P.A.D);
 - (iii) permit kenderaan asal yang berkenaan;
 - (iv) cukai jalan;
 - (v) perakuan pemeriksaan (*disc*) PUSPAKOM; dan
 - (vi) kad pemandu.
- (b) Pengendali berlesen hendaklah memastikan pemandu teksi mempamerkan Kad Pemandu mengikut spesifikasi susunan dalaman yang ditetapkan oleh S.P.A.D. dari semasa ke semasa.
- (c) Pengendali berlesen hendaklah memastikan bahawa semua pemandu-pemandunya mematuhi peruntukan Akta 715 dan undang-undang jalan raya yang lain.

- (d) Pengendali berlesen hendaklah memastikan pemandu teksi mematuhi kadar tambang yang telah ditetapkan di bawah undang-undang sedia ada.
- (e) Pengendali berlesen hendaklah memastikan suatu resit dikemukakan kepada penumpang sebagai bukti pembayaran.

4.6 Pindah Milik

- (a) Pengendali berlesen kelas lesen teksi hendaklah mematuhi peruntukan berkaitan pindah milik lesen pengendali yang telah ditetapkan di dalam Seksyen 31 Akta 715.
- (b) Surat Tawaran Kelulusan (“STK”)
STK tidak dibenarkan untuk dipindah milik.

5.0 GARIS PANDUAN BAGI PKPA KELAS KERETA SEWA

5.1 Kriteria Kelayakan

- (a) Setiap pemohon Lesen Pengendali kelas kereta sewa perlu berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (“SSM”) atau Suruhanjaya Koperasi Malaysia (“SKM”) sebagai salah satu daripada lima (5) entiti perniagaan yang dibenarkan seperti berikut:
 - (i) perniagaan milikan tunggal;
 - (ii) perkongsian;
 - (iii) syarikat sendirian berhad;
 - (iv) syarikat berhad; atau
 - (v) koperasi.
- (b) Pemohon Lesen Pengendali kelas kereta sewa yang berdaftar sebagai perniagaan milikan tunggal atau perkongsian* hendaklah:
 - (i) warganegara Malaysia berumur 21 tahun ke atas;

- (ii) mempunyai Lesen Memandu Kompeten (“CDL”) sekurang-kurangnya tiga (3) tahun;
- (iii) tiada sabitan dengan kesalahan jenayah;
- (iv) tidak diisyiharkan muflis oleh Jabatan Insolvensi Malaysia;
- (v) memiliki lesen memandu kenderaan perkhidmatan awam (public service vehicle licence) (“PSV”) yang sah; dan
- (vi) tidak memiliki sebarang Lesen Pengendali kelas kereta sewa.

* Sekurang-kurangnya salah seorang ahli perkongsian perlu memenuhi kriteria-kriteria yang disebutkan.

- (c) Pemohon Lesen Pengendali kelas kereta sewa yang berdaftar sebagai syarikat sendirian berhad, syarikat berhad atau koperasi hendaklah:
 - (i) mempunyai modal berbayar tidak kurang RM50,000.00; dan
 - (ii) dimiliki 100% oleh warganegara Malaysia.
- (d) Kuota bagi permit kenderaan di bawah Lesen Pengendali kelas kereta sewa adalah seperti berikut:
 - (i) Perniagaan Milikan Tunggal
 - Hanya boleh memiliki satu (1) permit kenderaan sahaja.
 - (ii) Perkongsian
 - Hanya boleh memiliki satu (1) permit kenderaan sahaja.
 - (iii) Syarikat Sendirian Berhad, Syarikat Berhad atau Koperasi
 - Tiada had bagi permit kenderaan.

5.2 Spesifikasi Kenderaan

- (a) Spesifikasi kenderaan kelas kereta sewa yang ditetapkan adalah merangkumi aspek-aspek berikut:
 - (i) had usia melesen;
 - (ii) had usia kenderaan;
 - (iii) keselamatan;
 - (iv) rupa bentuk; dan

- (v) keselesaan seperti yang ditetapkan oleh S.P.A.D. dan Jabatan Pengangkutan Jalan (“JPJ”).
- (b) Pemohon/Pengendali berlesen hendaklah memastikan kereta sewa mematuhi spesifikasi kenderaan seperti jadual berikut:

Per.	Spesifikasi	No.	Garis Panduan
(i)	Had Usia Melesen	1.	Usia melesen kenderaan berstatus Terurai Sepenuhnya (<i>Completely Knocked Down</i>) (“CKD”) hendaklah tidak melebihi lima belas (15) tahun daripada tarikh ianya didaftarkan di JPJ.
		2.	Usia melesen kenderaan berstatus Dipasang Siap Sepenuhnya (<i>Completely Built-Up</i>) (“CBU”) hendaklah tidak melebihi lima belas (15) tahun daripada tahun ianya dibuat oleh pengeluar kenderaan.
(ii)	Had Usia Kenderaan	1.	Had usia kenderaan adalah tertakluk kepada kelulusan pemeriksaan berkala yang dijalankan oleh PUSPAKOM.
(iii)	Keselamatan	1.	(a) Kenderaan hendaklah memenuhi taraf tiga (3) bintang ASEAN NCAP atau yang setara dengannya sebagaimana dalam

			<p>Lampiran 1.</p> <p>(b) Walaubagaimanapun, dasar ASEAN NCAP akan dikecualikan daripada kelas lesen ini sehingga 31 Disember 2022.</p>
		2.	Kenderaan hendaklah memenuhi keperluan keselamatan seperti mana yang telah ditetapkan dalam Buku Panduan S.P.A.D. ICOP - Keselamatan.
		3.	Kenderaan berstatus CKD dan CBU hendaklah menjalani pemeriksaan berkala dengan PUSPAKOM sekali dalam setahun apabila kenderaan telah melebihi usia tiga (3) tahun dari tarikh ianya didaftarkan di JPJ.
		4.	Kenderaan hendaklah memiliki insurans yang melindungi pemandu, penumpang, kenderaan dan pihak ketiga.
(iv)	Rupa Bentuk	1.	<p>Model kenderaan adalah terbuka kepada kenderaan empat (4) pintu di bawah kategori:</p> <p>(a) Kompak;</p> <p>(b) Sedan;</p> <p>(c) Kenderaan Pelbagai Guna (MPV); dan</p>

			(d) Kenderaan Utiliti Sukan (SUV).
	2.		Kenderaan jenis <i>pick-up</i> seperti <i>Ford Ranger</i> , <i>Chevrolet Colorado</i> , <i>Mitsubishi Triton/L200</i> , <i>Nissan Navara</i> , <i>Toyota Hilux</i> dan yang bersamaan dengannya adalah <u>tidak dibenarkan</u> .
	3.		<p>Semua kenderaan kereta sewa adalah bebas menggunakan sebarang warna pada badan kenderaan dengan syarat:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) tidak melebihi dua (2) warna; (b) tidak berbelang-belang; (c) tidak menyerupai warna rasmi kenderaan mana-mana agensi penguatkuasa; (d) tidak menyerupai warna kelas Kenderaan Perkhidmatan Awam (“KPA”) lain; dan (e) tidak bercorak dan bergambar selain yang dibenarkan oleh S.P.A.D.
	4.		<p>Struktur panel di atas bumbung kenderaan hendaklah:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) menggunakan latar belakang berwarna kuning pada

			<p>struktur panel; dan</p> <p>(b) mempamerkan perkataan ‘KERETA SEWA’ pada bahagian hadapan struktur panel.</p>
		5.	<p>Piagam pemandu dan penumpang hendaklah dipamerkan pada bahagian belakang tempat duduk pemandu seperti mana yang ditetapkan oleh S.P.A.D. dari semasa ke semasa.</p>
		6.	<p>Pelekat nombor aduan bebas tol S.P.A.D. hendaklah dilekatkan pada badan kenderaan seperti mana yang ditetapkan oleh S.P.A.D. dari semasa ke semasa.</p>
		7.	<p>Pengiklanan pada badan kenderaan hendaklah mendapat kelulusan bertulis daripada S.P.A.D. dan hendaklah mengikut spesifikasi seperti di Lampiran 4.</p>
(v)	Keselesaan	1.	<p>Kenderaan hendaklah mempunyai muatan tempat duduk tidak melebihi enam (6) orang termasuk pemandu.</p>

5.3 Kawasan Operasi

- (a) Pengendali berlesen kelas kereta sewa hanya boleh beroperasi di kawasan operasi yang diluluskan oleh S.P.A.D. (“kawasan operasi”) seperti mana di Lampiran 5 serta berdasarkan permit perkhidmatan.

- (b) Walau bagaimanapun, kebenaran diberikan kepada pengendali berlesen kelas kereta sewa untuk menghantar penumpang ke destinasi di luar kawasan operasi dan dikehendaki untuk kembali ke kawasan operasi yang telah ditetapkan dalam masa 24 jam selepas menurunkan penumpang.
- (c) Merujuk kepada perenggan (b), pengendali berlesen kelas kereta sewa dibenarkan mengambil penumpang semasa dalam perjalanan kembali ke kawasan operasi yang telah ditetapkan.
- (d) Pengendali berlesen kelas kereta sewa dibenarkan mengambil penumpang di lapangan terbang sekiranya mempunyai tempahan melalui aplikasi telefon pintar, laman sesawang, e-mel dan sebagainya.
- (e) Operasi PKPA kelas kereta sewa di lapangan terbang adalah tertakluk kepada syarat-syarat operasi yang ditentukan oleh pihak pengurusan atau pengendali terminal di lapangan terbang tersebut.

5.4 Model Operasi

- (a) Model operasi bagi PKPA kelas kereta sewa adalah melalui tahanan di tepi jalan/ hentian teksi atau tempahan.
- (b) Bagi aplikasi telefon pintar, kereta sewa boleh mengambil penumpang melalui tempahan yang diuruskan oleh pemegang lesen perniagaan pengantaraan *e-hailing* sahaja.

5.5 Tanggungjawab Pengendali Berlesen Terhadap Pemandu

- (a) Pengendali berlesen hendaklah memastikan pemandu kereta sewa memiliki dan membawa dokumen-dokumen yang masih dalam tempoh sah laku semasa beroperasi seperti berikut:
 - (i) salinan lesen pengendali (yang disahkan oleh S.P.A.D.);

- (ii) salinan permit perkhidmatan (yang di sahkan oleh S.P.A.D);
 - (iii) permit kenderaan asal yang berkenaan;
 - (iv) cukai jalan;
 - (v) perakuan pemeriksaan (*disc*) PUSPAKOM; dan
 - (vi) kad pemandu.
- (b) Pengendali berlesen hendaklah memastikan pemandu kereta sewa mempamerkan Kad Pemandu mengikut spesifikasi susunan dalaman yang ditetapkan oleh S.P.A.D. dari semasa ke semasa.
- (c) Pengendali berlesen hendaklah memastikan bahawa semua pemandu-pemandunya mematuhi peruntukan Akta 715 dan undang-undang jalan raya yang lain.
- (d) Pengendali berlesen hendaklah memastikan pemandu kereta sewa mematuhi kadar tambang yang telah ditetapkan di bawah undang-undang sedia ada.
- (e) Pengendali berlesen hendaklah memastikan suatu resit dikemukakan kepada penumpang sebagai bukti pembayaran.

5.6 Pindah Milik

- (a) Pengendali berlesen kelas lesen kereta sewa hendaklah mematuhi peruntukan berkaitan pindah milik lesen pengendali yang telah ditetapkan di dalam Seksyen 31 Akta 715.
- (b) Surat Tawaran Kelulusan (“STK”)
STK tidak dibenarkan untuk dipindah milik.

6.0 GARIS PANDUAN BAGI PKPA KELAS TEKSI MEWAH

6.1 Kriteria Kelayakan

- (a) Setiap pemohon Lesen Pengendali kelas teksi mewah perlu berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (“SSM”) atau Suruhanjaya Koperasi Malaysia (“SKM”) sebagai salah satu daripada lima (5) entiti perniagaan yang dibenarkan seperti berikut:
- (i) perniagaan milikan tunggal;
 - (ii) perkongsian;
 - (iii) syarikat sendirian berhad;
 - (iv) syarikat berhad; atau
 - (v) koperasi.
- (b) Pemohon Lesen Pengendali kelas teksi mewah yang berdaftar sebagai perniagaan milikan tunggal atau perkongsian* hendaklah:
- (i) warganegara Malaysia berumur 21 tahun ke atas;
 - (ii) mempunyai Lesen Memandu Kompeten (“CDL”) sekurang-kurangnya tiga (3) tahun;
 - (iii) tiada sabitan dengan kesalahan jenayah;
 - (iv) tidak diisyiharkan muflis oleh Jabatan Insolvensi Malaysia;
 - (v) memiliki lesen memandu kenderaan perkhidmatan awam (public service vehicle licence) (“PSV”) yang sah; dan
 - (vi) tidak memiliki sebarang Lesen Pengendali kelas teksi mewah.

* Sekurang-kurangnya salah seorang ahli perkongsian perlu memenuhi kriteria-kriteria yang disebutkan.

- (c) Pemohon Lesen Pengendali kelas teksi mewah yang berdaftar sebagai syarikat sendirian berhad, syarikat berhad atau koperasi hendaklah:
- (i) mempunyai modal berbayar tidak kurang RM50,000.00; dan
 - (ii) dimiliki 100% oleh warganegara Malaysia.

- (d) Kuota bagi permit kenderaan di bawah Lesen Pengendali kelas teksi mewah adalah seperti berikut:
- (i) Perniagaan Milikan Tunggal
 - Hanya boleh memiliki satu (1) permit kenderaan sahaja.
 - (ii) Perkongsian
 - Hanya boleh memiliki satu (1) permit kenderaan sahaja.
 - (iii) Syarikat Sendirian Berhad, Syarikat Berhad atau Koperasi
 - Tiada had bagi permit kenderaan.

6.2 Spesifikasi Kenderaan

- (a) Spesifikasi kenderaan kelas teksi mewah yang ditetapkan adalah merangkumi aspek-aspek berikut:
- (i) had usia melesen;
 - (ii) had usia kenderaan;
 - (iii) keselamatan;
 - (iv) rupa bentuk; dan
 - (v) keselesaan seperti yang ditetapkan oleh S.P.A.D. dan Jabatan Pengangkutan Jalan (“JPJ”).
- (b) Pemohon/Pengendali berlesen hendaklah memastikan teksi mewah mematuhi spesifikasi kenderaan seperti jadual berikut:

Per.	Spesifikasi	No.	Garis Panduan
(i)	Had Usia Melesen	1.	Had usia melesen kenderaan berstatus Terurai Sepenuhnya (<i>Completely Knocked Down</i>) (“CKD”) hendaklah tidak melebihi sembilan (9) tahun daripada tarikh ianya didaftarkan di JPJ.

		2.	Had usia melesen kenderaan berstatus Dipasang Siap Sepenuhnya (<i>Completely Built-Up</i>) ("CBU") hendaklah tidak melebihi sembilan (9) tahun daripada tahun ianya dibuat oleh pengeluar kenderaan.
(ii)	Had Usia Kenderaan	1.	Had usia kenderaan berstatus CKD hendaklah tidak melebihi sepuluh (10) tahun daripada tarikh ianya didaftarkan di JPJ.
		2.	Had usia kenderaan berstatus CBU hendaklah tidak melebihi sepuluh (10) tahun daripada tahun ianya dibuat oleh pengeluar kenderaan.
(iii)	Keselamatan	1.	<p>(a) Kenderaan hendaklah memenuhi taraf tiga (3) bintang ASEAN NCAP atau yang setara dengannya sebagaimana dalam Lampiran 1.</p> <p>(b) Walaubagaimanapun, dasar ASEAN NCAP akan dikecualikan daripada kelas lesen ini sehingga 31 Disember 2022.</p>
		2.	Kenderaan hendaklah memenuhi keperluan keselamatan seperti mana yang telah ditetapkan dalam Buku Panduan S.P.A.D. ICOP - Keselamatan.
		3.	Kenderaan berstatus CKD dan CBU

			<p>hendaklah menjalani pemeriksaan berkala dengan PUSPAKOM sekali dalam setahun apabila kenderaan telah melebihi usia tiga (3) tahun dari tarikh ianya didaftarkan di JPJ.</p>
		4.	<p>Kenderaan hendaklah memiliki insurans yang melindungi pemandu, penumpang, kenderaan dan pihak ketiga.</p>
(iv)	Rupa Bentuk	1.	<p>Model kenderaan adalah terhad kepada segmen D, E, dan F seperti mana yang ditakrifkan oleh <i>Euro Market Segment</i>.</p>
		2.	<p>Model kenderaan adalah terbuka kepada kenderaan empat (4) pintu di bawah kategori:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Sedan; (b) Kenderaan Pelbagai Guna (MPV); dan (c) Kenderaan Utiliti Sukan (SUV).
		3.	<p>Kenderaan jenis <i>pick-up</i> seperti <i>Ford Ranger</i>, <i>Chevrolet Colorado</i>, <i>Mitsubishi Triton/L200</i>, <i>Nissan Navara</i>, <i>Toyota Hilux</i> dan yang bersamaan dengannya adalah <u>tidak dibenarkan</u>.</p>
		4.	<p>Semua model dan jenama kenderaan di bawah kelas lesen teksi mewah adalah tertakluk kepada senarai</p>

		<p>model dan jenama kenderaan yang telah ditetapkan oleh S.P.A.D berdasarkan Lampiran 6.</p>
	5.	<p>Semua kenderaan teksi mewah adalah bebas menggunakan sebarang warna pada badan kenderaan dengan syarat:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) tidak melebihi dua (2) warna; (b) tidak berbelang-belang; (c) tidak menyerupai warna rasmi kenderaan mana-mana agensi penguatkuasa; (d) tidak menyerupai warna kelas Kenderaan Perkhidmatan Awam (“KPA”) lain; dan (e) tidak bercorak dan bergambar selain yang dibenarkan oleh S.P.A.D.
	6.	<p>Pelekat nombor aduan bebas tol S.P.A.D. hendaklah dilekatkan pada badan kenderaan seperti mana yang ditetapkan oleh S.P.A.D. dari semasa ke semasa.</p>
	7.	<p>Pengiklanan pada badan kenderaan hendaklah mendapat kelulusan bertulis daripada S.P.A.D. dan hendaklah mengikut spesifikasi seperti di Lampiran 4.</p>

(v)	Keselesaan	1.	Kenderaan hendaklah mempunyai muatan tempat duduk tidak melebihi tujuh (7) orang termasuk pemandu.
-----	------------	----	--

6.3 Kawasan Operasi

- (a) Pengendali berlesen kelas teksi mewah hanya boleh beroperasi di kawasan yang diluluskan oleh S.P.A.D. (“kawasan operasi”) berdasarkan permit perkhidmatan.
- (b) Pengendali berlesen kelas teksi mewah dibenarkan mengambil penumpang di lapangan terbang sekiranya mempunyai tempahan melalui aplikasi telefon pintar, laman sesawang, e-mel dan sebagainya.
- (c) Operasi PKPA kelas teksi mewah di lapangan terbang adalah tertakluk kepada syarat-syarat operasi yang ditentukan oleh pihak pengurusan atau pengendali terminal di lapangan terbang tersebut.

6.4 Model Operasi

- (a) Model operasi bagi perkhidmatan PKPA kelas lesen teksi mewah adalah melalui sewaan khas, kontrak lantikan atau tempahan.
- (b) Bagi aplikasi telefon pintar, teksi mewah boleh mengambil penumpang melalui tempahan yang diuruskan oleh pemegang lesen perniagaan pengantaraan *e-hailing* sahaja.

6.5 Tanggungjawab Pengendali Berlesen Terhadap Pemandu

- (a) Pengendali berlesen hendaklah memastikan pemandu teksi mewah memiliki dan membawa dokumen-dokumen yang masih dalam tempoh sah laku semasa beroperasi seperti berikut:
 - (i) salinan lesen pengendali (yang disahkan oleh S.P.A.D.);
 - (ii) salinan permit perkhidmatan (yang disahkan oleh S.P.A.D.);

- (iii) permit kenderaan asal yang berkenaan;
 - (iv) cukai jalan;
 - (v) perakuan pemeriksaan (*disc*) PUSPAKOM; dan
 - (vi) kad Pemandu.
- (b) Pengendali berlesen hendaklah memastikan pemandu teksi mewah mempamerkan Kad Pemandu mengikut spesifikasi susunan dalaman yang ditetapkan oleh S.P.A.D. dari semasa ke semasa.
- (c) Pengendali berlesen hendaklah memastikan bahawa semua pemandu-pemandunya mematuhi peruntukan Akta 715 dan undang-undang jalan raya yang lain.
- (d) Pengendali berlesen hendaklah memastikan kadar tambang bagi perkhidmatan teksi mewah ditetapkan oleh pengendali berlesen
- (e) Pengendali berlesen hendaklah memastikan suatu resit dikemukakan kepada penumpang sebagai bukti pembayaran.

6.6 Pindah Milik

- (a) Pengendali berlesen kelas lesen teksi mewah hendaklah mematuhi peruntukan berkaitan pindah milik lesen pengendali yang telah ditetapkan di dalam Seksyen 31 Akta 715.
- (b) Surat Tawaran Kelulusan (“STK”)
STK tidak dibenarkan untuk dipindah milik.

7.0 PEMAKAIAN

- 7.1 Garis Panduan ini terpakai bagi semua permohonan berkaitan yang dikemukakan kepada S.P.A.D. di bawah PKPA kelas teksi, kereta sewa dan teksi mewah.
- 7.2 Bersama-sama Garis Panduan ini, pekeliling-pekeliling dalam Lampiran 7 adalah terpakai.

8.0 TARIKH KUAT KUASA

- 8.1 Arahan-arahan dan perkara-perkara yang dinyatakan di dalam Garis Panduan ini berkuat kuasa mulai tarikh Garis Panduan ini dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

me fl

(MOHD AZHARUDDIN BIN MAT SAH)

Ketua Pegawai Eksekutif

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat


Lampiran 1

Antara standard yang setara atau lebih daripada ASEAN NCAP adalah seperti berikut:

No.	Nama Program	Rujukan
1	New Car Assessment Program for Southeast Asian Countries (ASEAN NCAP)	http://www.aseancap.org
2	China New Car Assessment Program (C-NCAP)	http://www.c-ncap.org/
3	Japan New Car Assessment Program (JNCAP)	http://www.nasva.go.jp/mamoru/en/
4	Korean New Car Assessment Program (KNCAP)	http://www.car.go.kr/jsp/kncap_eng/introduction.jsp
5	Australasian New Car Assessment Program (ANCAP)	http://www.ancap.com.au/
6	European New Car Assessment Program (Euro-NCAP)	http://www.euroncap.com/en
7	New Car Assessment Program (NHTSA ⁴) (US NCAP)	http://www.safercar.gov/Safety+Ratings
8	Latin American & Caribbean New Car Assessment Program (Latin NCAP)	http://www.latinnCAP.com/en/results

Lampiran 2

Contoh 1:




Contoh 2:




Lampiran 3

- (a) Kedudukan meter tekси di bahagian tengah atas panel kawalan hadapan (*dashboard*) kenderaan - tanpa ‘*bracket*’ dimetri (*seal*) pada badan kenderaan.




- (b) Kedudukan meter tekси di bahagian tengah atas panel kawalan hadapan (*dashboard*) kenderaan - dengan ‘*bracket*’ dimetri (*seal*) pada badan kenderaan.




Lampiran 4

- (a) Ruang pengiklanan di bahagian hadapan kenderaan dan di bahagian belakang kenderaan.



- (b) Ruang pengiklanan di bahagian sisi kenderaan.



- (c) Tidak perlu memaparkan pelekat dan tanda badan pada kenderaan seperti (perkataan TEKSI/KERETA SEWA, nama syarikat atau kawasan operasi) kecuali yang dibenarkan oleh S.P.A.D.

Lampiran 5

Penetapan Kawasan Operasi

(a) Penetapan kawasan operasi adalah tertakluk kepada kelulusan S.P.A.D. dengan ketetapan seperti berikut:

Teksi		
Kawasan Operasi	Penetapan Kawasan Operasi	Bidang Kuasa
Lembah Klang dan Kuala Lumpur	Gombak	<ul style="list-style-type: none">• Majlis Perbandaran Selayang
	Hulu Langat	<ul style="list-style-type: none">• Majlis Perbandaran Kajang
	Klang	<ul style="list-style-type: none">• Majlis Perbandaran Klang
	Petaling	<ul style="list-style-type: none">• Majlis Bandaraya Shah Alam• Majlis Bandaraya Petaling Jaya• Majlis Perbandaran Subang Jaya
	Sepang	<ul style="list-style-type: none">• Majlis Perbandaran Sepang
	Putrajaya	<ul style="list-style-type: none">• Perbadanan Putrajaya
	Wilayah Persekutuan	<ul style="list-style-type: none">• Persekutuan
Johor Bahru	Johor Bahru	<ul style="list-style-type: none">• Majlis Bandaraya Johor Bahru• Majlis Bandaraya Johor Bahru Tengah• Majlis Perbandaran Pasir Gudang• Majlis Perbandaran Kulai

Pulau Pinang (Bahagian Pulau)	Timur Laut Barat Daya	<ul style="list-style-type: none"> • Majlis Bandaraya Pulau Pinang • Majlis Bandaraya Pulau Pinang
----------------------------------	--------------------------	--

- (b) Kawasan operasi bagi kereta sewa adalah di seluruh Semenanjung Malaysia kecuali kawasan operasi yang telah dinyatakan bagi perkhidmatan teksi.
- (c) Kawasan operasi bagi teksi mewah adalah di seluruh Semenanjung Malaysia.

Lampiran 6

Segment (Euro Market Segment)	Bentuk Badan	Senarai
Segmen D	Sedan	Proton Perdana, Nissan Teana, Hyundai Sonata, Honda Accord, Toyota Camry, Chevrolet Malibu, Volkswagen Passat, Peugeot 508, Kia Optima, Ford Mondeo, Mazda 6 Sedan, Volkswagen CC, BMW 3 Series
	MPV	Ford S-MAX, Honda Odyssey, Hyundai Grand Starex, Kia Grand Carnival, Mazda 8, Toyota Previa and Volkswagen Sharan.
	SUV	Kia Sorento, Mazda CX-9, and Hyundai Santa Fe
Segmen E	Sedan	Audi A6, Mercedes-AMG, BMW 5 Series, Volvo S90, Jaguar XF and Lexus GS.
	MPV	Toyota Alphard, Toyota Vellfire, Mercedes-Benz V, Nissan Elgrand, and Mercedes-Benz R.
Segmen F	SUV	Audi Q7, BMW X6, BMW X5, Volvo XC90, Mercedes-Benz GLE BMW 7 Series, Mercedes-Benz S-Class, Audi A8, Lexus LS, Bentley, Rolls-Royce, Maybach, and Jaguar XJ,
	Sedan	N/A
	MPV	Mercedes-Benz GLS, Lexus LX, Infiniti QX80, and Land Rover Range Rover.

Lampiran 7

Pekeliling-pekeliling yang disenaraikan di bawah adalah dikekalkan penggunaannya.

No.	Rujukan Pekeliling	Perkara-perkara yang masih terpakai
1.	Bil. 11 2014 Kadar Tambang Baharu Bagi Perkhidmatan Kenderaan Perkhidmatan Awam Kelas Teksi Dan Kereta Sewa	Semua perkara
2.	Bil. 4 Tahun 2013 Garis Panduan Permohonan Kad Pemandu Dan Pengecualian Sementara Bayaran Yuran Permohonan	Semua perkara kecuali perkara 18 dan 19
3.	Bil. 1 Tahun 2013 Proses Pengeluaran Lesen Pengendali	Semua perkara
4.	Bil. 15 Tahun 2012 Mempamerkan Nombor Aduan Talian Bebas Tol Baharu Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat Di Badan Kenderaan Pengangkutan Awam Darat Bagi Semenanjung Malaysia.	Semua perkara
5.	Bil. 14 Tahun 2012 Syarat Tambahan Lesen Pengendali Teksi	Semua perkara
6.	Bil 12 Tahun 2010 Pembatalan Pekeliling Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Bil. 11 Tahun 2005	Semua perkara

Lampiran 3

Lokasi yang dibenarkan untuk berpangkalan adalah seperti berikut:

1. Long Term Queue Bay iaitu di kawasan menunggu berhampiran dengan Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA) dan Lapangan Terbang Kuala Lumpur 2 (klia2) bagi pemandu yang beroperasi di kedua-dua lapangan terbang tersebut.